

Pembelajaran Kolaboratif Di Kolej Siswa: Pemangkin Pembangunan Kemandirian Insan Holistik

Che Wan Ida Rahimah bt. Che Wan Ibrahim
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

ABSTRAK

Kertas kerja ini dihasilkan dengan hasrat untuk membicarakan tentang potensi besar Kolej Siswa ke arah pembangunan diri serta pemeraksanaan sendiri modal insan pelajar universiti melalui program Pembelajaran Keduanya yang bersifat kolaboratif. Pembelajaran kolaboratif secara tidak formal merupakan suatu disiplin ilmu yang mampu menarik perhatian para akademik, penyelidik, pendidik serta pihak pengurusan pendidikan di seluruh dunia. Variasi pendekatan kemahiran dan proses Pembelajaran Kolaboratif yang dilaksanakan oleh Kolej Siswa UMT menyokong pembangunan sosio-emosi para pelajarnya secara berterusan. Perkembangan yang relevan dalam pendidikan moden masa kini bakal membuahkan implikasi yang penting untuk penyelidikan masa depan.

Kata kunci: pembelajaran kolaboratif, kolej siswa, pembangunan, kemandirian, insan holistik

PENGENALAN

Menurut Persatuan Kolej dan Universiti Amerika Syarikat (AAC & U, 2002), keperluan pengetahuan dalam kehidupan di dunia moden pada hari ini adalah amat kritikal berbanding zaman sebelumnya. Pembangunan pelajar dari aspek kepimpinan dan kepemimpinan menjadi semakin penting kepada universiti serta institusi pengajian tinggi di seluruh dunia (Bowen, 2018). Walau bagaimanapun, ada yang berpendapat bahawa amalan pendidikan berkenaan terlalu menekankan pemindahan maklumat yang tidak relevan dengan konteks kehidupan pelajar seperti mengasingkan pembelajaran akademik dan pembangunan pelajar (Mahajan, 2017). Pandangan ini disokong oleh Latchem (2014) yang menyatakan bahawa pusat pengajian sering memikirkan kursus akademik formal yang berlangsung hanya di dalam kelas tradisional sahaja. Sedangkan program tidak formal yang menyumbang kepada dimensi pembangunan pelajar hanya dapat dikecapi daripada program anjuran Kolej Siswa. Justeru, Kolej Siswa lebih berjaya dalam menawarkan pembelajaran menyeluruh dan holistik yang mengintegrasikan segala aspek pembangunan pelajar (Arnett, 2016).

Lin, Liu, Byon, Qian, Liu, dan Huang (2018) telah menakrifkan pembelajaran kolaboratif sebagai pendekatan pembelajaran yang bervariasi yang memotivasikan setiap orang untuk terus belajar. Biasanya pelajar-pelajar melaksanakan aktiviti secara berkumpulan seramai dua orang atau lebih, saling mencari persefahaman, penyelesaian masalah atau mencipta suatu hasil pembelajaran. Menurut Lave and Wenger (1998) pula, dalam proses pembelajaran kolaboratif wujud komuniti pengamal atau *community of practice* (CoP) sebagai sekumpulan yang bersama-sama berkongsi sesuatu isu, masalah atau sesuatu yang diminati. Melalui perkongsian tersebut, pengetahuan dan kemahiran mereka dapat dimantapkan. Sesebuah kumpulan pengamal dibentuk apabila ahli-ahlinya terlibat secara komited dengan ahli lain, bertanggungjawab terhadap satu sama lain dan mempunyai amalan yang serupa. Komuniti pengamal di Kolej Siswa

melibatkan beberapa kumpulan individu yang berinteraksi antara satu sama lain, saling memanfaatkan hasil kerja ahli lain dan menyediakan sumber pengetahuan kepada kumpulan mereka, saling bertukar pengalaman dan bekerjasama mewujudkan semangat komuniti dalam menjayakan pembelajaran kolaboratif secara tidak formal secara santai.

OBJEKTIF PEMBELAJARAN KOLABORATIF KOLEJ SISWA

Penggunaan pendekatan pembelajaran kolaboratif melalui penyertaan program tidak formal anjuran Kolej Siswa bermatlamat membantu pelajar agar dapat belajar dengan lebih berkesan di luar kelas kerana program yang dianjurkan adalah berasaskan kepada minat dan keperluan pelajar yang terlibat. Malah, ia mampu meningkatkan kepuasan pelajar melalui pengalaman pembelajaran mereka serta memantapkan komuniti pelajar, misalnya melalui program kemahiran dalam komunikasi lisan dan sosial Kolej Siswa. Pelaksanaan setiap program sebegini melibatkan pelbagai strategi perkongsian ilmu yang bukan hanya menekankan penguasaan kandungan dan idea semata-mata, tetapi sebaliknya menggabungkan kemahiran sedia ada para pelajar melalui beberapa pendekatan yang efisien.

PENDEKATAN PEMBELAJARAN KOLABORATIF DI KOLEJ SISWA

Para penyelidik yang menyokong pembelajaran berbentuk kolaboratif amat menyarakannya sebagai satu pendekatan realistik dalam setiap aktiviti pembelajaran yang disasarkan. Di Kolej Siswa UMT, kepelbagaian aktiviti pembelajaran kolaboratif ditawarkan secara meluas dengan berfokuskan kepada kegiatan pelajar sebagai peserta program dalam meneroka dan menyumbang sepanjang penglibatan program tidak formal berkenaan. Ini bermaksud dalam pembelajaran kolaboratif secara tidak rasmi, ia berjaya mengukuhkan kuasa sosial setiap ahli dalam komuniti belajar tersebut dengan bimbingan secara tidak langsung daripada staf Kolej Siswa, felo, MKS serta akan sebaya yang lain. Antara pendekatan yang diaplikasikan di Kolej Siswa yang bertepatan dengan konsep pembelajaran kolaboratif adalah seperti berikut:

Pembelajaran merupakan satu proses konstruktif yang aktif

Melalui pendekatan ini, semua pelajar dianggap sebagai individu yang berpotensi, aktif dalam penyertaan program anjuran Kolej Siswa demi untuk mencambah idea dan berkongsi pengetahuan, bimbingan serta maklum balas. Kolej Siswa melalui programnya berjaya mengaktifkan pelajar penghuninya ke arah pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat. Misalnya, mereka berjaya mengadaptasi budaya bekerja yang positif melalui Bengkel *Video Making*, *Video Competition*, *infographic CV* dan *Poster Contest*. Bagi memenuhi keperluan teknologi dalam arus globalisasi moden kini, mahasiswa wajar diperkasakan dengan kemahiran teknologi maklumat dan infografik. Justeru, Kolej Siswa memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai kepentingan menguasai kemahiran infografik. Penglibatan aktif pelajar digalakkan demi melahirkan pelajar yang lebih berinovatif dan kreatif serta dapat mengembangkan lagi pemikiran mahasiswa agar lebih kritis. Bukan itu sahaja, kesedaran mengenai moral termasuk kesalahan plagiarism yang bercanggah dari segi etika dan pendedahan tentang strategi untuk mengelakkannya turut didedahkan kepada pelajar-peserta. Seterusnya, para peserta program turut berkolaborasi bersama felo dan MKS dalam Program *Me, Health and Safety* yang berjaya menyuntik kesedaran terhadap keselamatan dan kesihatan

mahasiswa secara teori dan praktikal. Kolej Siswa turut membantu proses kolaborasi para pelajar dengan memperkasakan kemahiran penyampaian idea secara berkesan dan berkeyakinan bertulis mahupun verbal. Contohnya melalui galakan penulisan artikel berita, email makluman program, penerbitan buletin Kolej Siswa dan *Coffee Table Book*.

Pembelajaran amat dipengaruhi oleh konteks

Menurut Vygotsky (1896-1934) melalui teori konstruktivisme perkembangan kognitif sosialnya, pembelajaran tidak hanya berlaku melalui proses kognitif individu tetapi juga melalui konteks sosial, sejarah dan budaya yang dimiliki pesertanya. Dalam erti kata lain, kognisi (pemikiran, bahasa, dan perkembangan sosial) dipengaruhi oleh interaksi sosial melalui kolaborasi individu dan pengalaman unik pelajar. Ini kerana kehidupan intelektual setiap kanak-kanak adalah ditentukan atau dipengaruhi oleh individu dewasa serta rakan sebaya yang berada di sekeliling mereka (Vygotsky, 1978).

Melalui program Kolej Siswa, para pelajar dikelompokkan dalam kumpulan sebagai kumpulan komuniti. Platform yang telah direka bentuk dalam bentuk program tidak formal untuk menyediakan ruang bagi para pelajar untuk berkongsi pengalaman. Ini memberi peluang kepada mereka untuk melihat kembali amalan lalu dan pengalaman kolaborasi mereka yang paling efektif. Bukan itu sahaja, ia berupaya memperkasakan nilai etika dan moral di kalangan warga mahasiswa. Contohnya dalam usaha membentuk personaliti insan berakhlak melalui penganjuran program yang berpaksikan spiritual dan kerohanian iaitu Ihya Ramadhan, Singgah Sahur dan Sembelihan. Program tersebut juga efisien dalam menghidupkan semula amalan mulia dan tradisi dengan seperti kunjung mengunjung sambil membantu mereka yang memerlukan. Mereka juga dapat memperkukuhkan semangat cakna terhadap komuniti setempat serta terjalin kasih sayang antara mahasiswa dan komuniti setempat yang memenuhi pembentukan konteks sosial yang harmonis.

Sebagai mentor program, Jawatankuasa pelajar Kolej Siswa UMT iaitu Majlis Kolej Siswa dengan bimbingan Staf pembelajaran kedua dan felo Kolej Siswa, terlibat dalam proses dialog dan perjumpaan agar lebih memahami cara-cara meningkatkan keberkesanan kaedah pembelajaran kolaboratif tidak formal dengan pelaksanaan program Kolej Siswa. Malah, staf Kolej Siswa memotivasikan pembelajaran kolaboratif penghuninya dengan merealisasikan kewujudan persekitaran yang kondusif serta ruang yang bersesuaian termasuklah jom deco. Penganjuran sebegini mampu memupuk semangat kerja berpasukan, budaya kerja serta meningkatkan penghayatan nilai-nilai lestari dalam kalangan mahasiswa UMT agar berfungsi sebagai komuniti yang cakna. Persekitaran fizikal yang menggalakkan pembelajaran berlaku secara berterusan dan menarik termasuklah di kafe-kafe, gazebo, teflon dan astaka yang dibina demi memenuhi keperluan pembelajaran di luar kelas secara santai.

Hasilnya, para pelajar berupaya menilai kembali amalan mereka dan membina kefahaman terhadap setiap tindakan yang mereka lakukan dan tujuannya, melalui analisis sendiri dan maklum balas daripada ahli kumpulan. Mereka juga mengenal pasti apa yang baik dan sebaliknya untuk meningkatkan kemampuan diri di samping memahami apa yang perlu difokuskan dan membuktikan bahawa mereka benar-benar kompetitif dan ini didefinisikan melalui penglibatan maksima peserta program dan kejayaan pelaksanaan setiap program berimpak Kolej Siswa. Program tersebut yang kaya dengan konteks, mencabar pelajar untuk mengamalkan dan membangunkan kemahiran penyelesaian masalah dan berfikir aras tinggi.

Pembelajaran melibatkan peserta yang pelbagai dan berbeza secara individu

Savery (2015) menitikberatkan bahawa dalam aktiviti kolaboratif dan kerja berpasukan, setiap individu pasti berhadapan dengan perbezaan pendapat dan mereka perlu berusaha untuk berbincang dan mengatasinya. Oleh itu, pendekatan kolaboratif Kolej Siswa dilihat berfungsi sebagai medium yang menghubungkan komuniti pembelajaran sesama pelajar. Pembentukan nilai perpaduan pelajar berupaya mengadaptasi perbezaan individu ke arah penyatuan budaya dan nilai-nilai murni termasuklah berfikiran positif dan cakna terhadap kebajikan pelajar lain (agar terhindar dari sifat individualistik) dalam Program *Malaysia Art and Culture Festival (MacFest)*, *Masterchef* dan *Secure & Healthy weekend carnival*. Impak perpaduan mampu terbentuk antara pelajar sesama pelajar, dengan staf, pihak Keselamatan, katering serta semua warga Kolej Siswa. Nilai perpaduan yang diamalkan bakal berkesinambungan di masa depan apabila setiap pelajar menjiwai setiap peranan yang dimanahkan demi kemandirian di masa depan.

Bagi menyuburkan perkembangan kolaborasi di Kolej Siswa, tumpuan yang lebih diberikan terhadap kemahiran pemikiran kritikal, analitikal serta kebolehan bekerjasama dalam kumpulan semasa proses pembelajaran tidak formal yang dijalankan. Program Color Run Kolej Siswa turut menjadi strategi ke arah memantapkan keupayaan pelajar peserta untuk berkongsi tenaga, mempersembahkan idea secara kritikal dan berkolaborasi membentuk jaringan perhubungan sosial. Kebolehan mengamalkan kemahiran mendengar yang aktif dan memberikan maklum balas turut diterapkan sepanjang program dianjurkan. Selain itu, impak kolaborasi pelajar-peserta turut dapat dilihat melalui sambutan hari Malaysia yang melibatkan pelbagai aktiviti kebudayaan, masakan, kesenian dan sukan.

Kolej Siswa membenarkan pelajar untuk merumus dan meneroka pelbagai dimensi identiti mereka dan bersedia menjayakan pelbagai peranan. Peranan yang dijalankan adalah berdasarkan keperluan, keutamaan dan keupayaan mereka. Ini bermakna komuniti pembelajaran tidak formal melibatkan hubungan, identity serta interaksi yang mapan dengan ahli masyarakatnya (Jokisalo & Riu, 2009). Seorang pelajar mampu menjayakan lebih daripada satu peranan. Mereka boleh menjadi pelajar biasa yang tidak aktif, berubah kepada seorang fasilitator bahasa atau pengurus kebajikan dan keselamatan penghuni Kolej Siswa, pada program seterusnya mampu menjadi ketua program mahupun seorang pemberita yang komunikatif.

Pembelajaran merupakan proses interaksi dan penglibatan sosial

Pembelajaran kolaboratif amat menitikberatkan penglibatan sosial dan intelektual. Penyokong konstruktivis sosial berpendapat bahawa pembelajaran berlaku melalui pergaulan sosial dan pemikiran setiap individu itu dipengaruhi oleh persekitaran sosialnya (Schunk, 2012; Vygotsky, 1978). Misalnya, proses konstruktif aktif ketika belajar akan mencerdaskan pelajar peserta dalam usaha melaksanakan tugas yang mencabar, mengetahui maklumat terbaru, idea atau kemahiran termasuklah secara bekerjasama mengaplikasikan setiap ilmu yang baru diperolehi mahupun pengalaman lalu yang dimiliki. Di Kolej Siswa, ketersediaan wifi meningkat akses pelajar berjaya merealisasikan interaksi sosial yang bermakna dalam kehidupan seharian mereka. Ini ditambah lagi dengan kewujudan teknologi Web 2.0 yang didedahkan melalui bengkel e-learning yang turut memanfaatkan pelajar dari segi perbincangan secara maya pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja dan dengan sesiapa sahaja yang signifikan bagi

pembelajaran mereka. Oleh itu, berbincang tentang peperiksaan, membentuk kumpulan belajar dan berlatih membuat persembahan atau pembentangan adalah antara aktiviti pembelajaran santai menjadi amalan seharian pelajar di Kolej Siswa.

Kewujudan keamatan pergaulan sesama penghuni dan staf Kolej Siswa membantu pembelajaran kolaboratif yang bersinergi intelek kerana melibatkan variasi individu dari pelbagai latar belakang. Antara bentuk interaksi sosial Kolej Siswa adalah kejayaan Program 'Grand Entrepreneur Carnival'. Selain program tersebut, staf Kolej Siswa dan pusat pengajian turut berkolaborasi dalam membimbing mahasiswa untuk mengaplikasikan penggunaan pelan perniagaan secara bijaksana dan mendidik mahasiswa untuk mengamalkan proses pemasaran yang efektif. Hasilnya, peserta berkenaan mula berfikir inovatif dan mempunyai semangat keusahawanan. Mereka diasah, dipupuk dan dikembangkan bakat serta potensi mereka dalam bidang kemahiran dan keusahawanan. Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks serta keupayaan menilai secara berjustifikasi juga dicapai. Bukan itu sahaja, peserta turut mendapat pendedahan terhadap kemahiran mengenal pasti peluang kerjaya yang lumayan.

Pembelajaran dipengaruhi Tanggungjawab setiap ahli Komuniti

Komuniti pengamal di Kolej Siswa merujuk kepada masyarakat berkenaan yang terlibat dalam pembelajaran sebagai sub-kumpulan kecil pelajar, dicirikan oleh niat dan tujuan yang digunakan untuk membina rasa identiti kumpulan, kohesif dan keunikan yang menggalakkan kesinambungan dan integrasi pelbagai kemahiran dan pengalaman sepanjang hayat. Komuniti pembelajaran tersebut bermisik peningkatan potensi kejayaan mereka dan majoriti mereka sanggup menghabiskan sebahagian besar masa mereka di Kolej Siswa untuk berkongsi hal ehwal akademik mahupun masalah dalam kehidupan. Kesediaan mereka untuk hidup bersama, mencipta peluang pembelajaran transformatif di masa depan (Lin, Liu, Byon, Qian, Liu, dan Huang, 2018).

Pembelajaran kolaboratif menggalakkan pelajar untuk membina sifat bertanggungjawab terhadap diri, kumpulan dan komunitinya. Penglibatan dan peranan mereka di luar kelas boleh membantu mereka berhadapan dengan cabaran apabila berada dalam persekitaran komuniti yang lebih luas. Pembelajaran kolaboratif menjadikan pelajar lebih berani untuk menyampaikan pandangan dengan lebih aktif dalam membentuk idea-idea dan nilai-nilai mereka. Pembelajaran kolaboratif juga menjadikan mereka lebih sensitif terhadap pandangan dan pendapat orang lain. Pengajaran rakan sebaya adalah satu kaedah yang mana seorang pelajar mengajar pelajar lain, di mana pelajar yang pertama ialah seorang yang mahir dan pelajar yang kedua merupakan ahli baru (novis). Pelajar menerima lebih banyak masa untuk pembelajaran individu. Interaksi secara langsung antara pelajar menggalakkan pembelajaran aktif. Rakan sebaya memperkukuhkan pembelajaran mereka sendiri dengan mengajar orang lain. Hasilnya, pelajar berasa lebih selesa dan terbuka apabila berinteraksi dengan rakan sebaya yang lain. Seterusnya, rakan-rakan dan pelajar berkongsi wacana yang sama, membolehkan kefahaman yang lebih jelas.

Kolej Siswa sentiasa memastikan para pelajarnya diberikan peluang bagi membentuk jaringan sosial dan kumpulan sokongan bagi perkembangan personaliti secara individu contohnya lawatan benchmark ke universiti kebangsaan Malaysia (UKM) dan universiti multimedia seterusnya kolaborasi dengan komuniti luar juga dapat disaksikan melalui program Hurlur Tangan Ringgankan Beban (HTRB) dan program pengantarabangsaan. Perkembangan hubungan dengan komuniti universiti tempatan dan antarabangsa berjaya dibentuk melalui

program kolaborasi sebegini. Pelajar juga dapat menghayati komunikasi berkesan melalui interaksi penganjuran program bersama-sama pusat pengajian dan juga pusat-pusat di bawah Hal Ehwal Pelajar (HEPA). Misalnya pelajar dapat bekerjasama dengan pusat sukan melalui penganjuran Program Temasya Sukan Rakyat Terengganu (surakter). Malah, ia penting dalam mewujudkan hubungan dua hala bersama komuniti setempat melalui program sukan tempatan. Secara tidak langsung, program berkenaan berjaya membentuk kepintaran emosi yang stabil dan budaya kerja cemerlang di kalangan pesertanya. Malah kebolehan peserta dalam memperkembangkan dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan dapat diperkukuhkan. Kebolehan mengenal dan menghormati sikap, kelakuan dan kepercayaan orang lain jelas dipamerkan melalui kejayaan penganjuran Program Meh Pakat Lawat Komuniti bersama Kerajaan Negeri. Di samping itu, pelajar dapat belajar menganalisis dan membuat keputusan di dalam menyelesaikan masalah berkaitan etika.

Pembelajaran dimotivasikan oleh Pencapaian dan ganjaran

Hidi (2016) berpandangan bahawa keperluan motivasi kecemerlangan bagi mencapai kejayaan dalam sesuatu persaingan adalah termasuklah memberikan ganjaran dan pengiktirafan. Kolej Siswa menyediakan platform untuk pelajar meraikan dan berkongsi kejayaan mereka misalnya penganjuran Masakti. Pelajar apabila diberikan penghargaan dan pengiktirafan atas setiap kejayaan atau sumbangan bermakna mereka bakal lebih berinisiatif, kreatif dan intuitif serta sanggup bereksperimentasi dalam mencuba tugas baru. Mereka sanggup menerima tanggungjawab demi mencapai kejayaan kerana mereka rasa berbaloi dan terus berkeinginan tinggi untuk berjaya. Jika ianya berakhir dengan kegagalan, mereka tetap tabah dan terus reflektif membaiki diri bagi kejayaan program. Bukan itu sahaja, Kolej Siswa telah menerapkan sosiobudaya positif dalam menyambut perayaan serta mencungkil bakat para pelajar pelbagai bangsa dengan aktiviti yang akan diadakan. Misalnya, Program Riang Ria Aidilfitri Kolej Siswa menawarkan pertandingan menganyam ketupat, pertandingan kad raya kreatif, dan pertandingan video ucapan raya. Peserta yang mengambil bahagian dalam pertandingan anjuran Kolej Siswa berpeluang memenangi hadiah dan cenderahati. Bukan itu sahaja, peluang dan ruang yang optimum kepada para pelajar melibatkan diri sebagai ahli jawatankuasa aktiviti dengan mengasah bakat kepimpinan dan penguasaan bahasa Inggeris mereka di luar kelas misalnya melalui Program *Grammarians' Battle* dan *Extempora*. Pelaksanaan dan tindakan yang berkaitan pembelajaran kolaboratif tidak formal di Kolej Siswa juga bertepatan dengan hasrat murni yang diaspirasikan oleh pihak pengurusan tertinggi UMT bagi memperkasakan pembelajaran kedua di UMT.

Pembelajaran melibatkan Keperluan untuk mencapai kepuasan atau berkongsi autoriti

Lussier dan Achua (2015) mencadangkan bahawa dalam kepimpinan sesebuah kumpulan atau pengurusan, keperluan untuk menonjolkan kemampuan atau kuasa adalah berpunca daripada perasaan ingin mempengaruhi atau mengawal orang lain. Bakat dan kebolehan sebegini sentiasa digalakkan dan digilap oleh Kolej Siswa. Antara sumbangan terpenting adalah merekrut pelajar yang berpotensi kepimpinan dan bertanggungjawab sosial misalnya dalam pelaksanaan Program Teambuilding, Majlis Kolej Siswa (MKS) menawarkan variasi latihan kepimpinan yang konsisten dan praktikal. Malah, pengendalian *Lexicon Fiesta* serta Program *International Leadership* berupaya memastikan peserta mampu meningkatkan komunikasi berkesan

termasuklah dengan pelajar dan masyarakat antarabangsa serta masyarakat setempat. Di samping itu, mereka berupaya memperkukuhkan keyakinan diri untuk menjadi pemimpin dan bersedia untuk bertoleransi secara global. Dalam usaha melahirkan kepimpinan yang cakna masyarakat, Kolej menganjurkan Rondaan bersama PDRM di sekitar penginapan pelajar luar kampus yang disertai oleh pemimpin pelajar Majlis Kolej Siswa serta Majlis Pelajar Luar Kampus. *Balloon X Charity Run* juga merupakan inisiatif dalam usaha menjana mahasiswa cakna masyarakat termasuklah mengumpul dana dan kewangan yang kelak akan dimasukkan ke dalam Tabung Misi Kemanusiaan untuk disumbangkan kepada masyarakat di Kemboja dan Vietnam. Kebolehan untuk memahami dan mengambil peranan bersilih ganti dan berkongsi autoriti antara ketua kumpulan dan ahli kumpulan adalah antara impak yang dibanggakan hasil daripada program Kolej Siswa.

KESIMPULAN

Hakikatnya, adalah suatu keperluan penting bagi melihat pembelajaran lebih holistik dan berintegrasi dalam kehidupan mahasiswa universiti dengan sokongan komuniti di Kolej Siswa melalui penciptaan pengalaman pembelajaran transformatif untuk pelajar. Antara yang perlu difokuskan adalah perlunya kolaborasi dan pengukuhan sosial melalui program tidak formal anjuran Kolej Siswa yang pelbagai dan bermakna. Faedah untuk pelajar bakal tercapai hanya jika program tersebut berimpak dan bersepadu melibatkan komuniti dalam dan luar Kolej Siswa termasuk pusat pengajian dan pihak pentadbiran universiti. Hasilnya, keseimbangan pencapaian akademik dan sosio-emosi pelajar dapat dipertingkatkan secara konsisten, bertepatan dengan konsep pembelajaran mengikut sudut pandangan Sosiobudaya dan konstruktisim (Lave & Wenger, 1998).

Proses pembelajaran kolaboratif ini adalah satu usaha untuk mewujudkan komuniti pembelajaran yang signifikan (Lin, Liu, Byon, Qian, Liu, dan Huang, 2018) di Kolej Siswa. Justeru, implikasi utama pembelajaran tersebut adalah mencabar idea setiap pelajar sama ada idea diri sendiri dan orang lain dengan matlamat meningkatkan kefahaman. Selain itu, pemikiran dan idea-idea individu mahasiswa dapat dikembangkan menggunakan idea orang lain. Proses refleksi melalui pembelajaran sebegini adalah lebih berimpak kerana peserta dapat memperoleh, mengumpul dan menyemak ketepatan idea-idea bagi pembinaan sendiri mereka. Akhir kata, variasi pendekatan pembelajaran kolaboratif Kolej Siswa UMT adalah fleksibel dalam memastikan kelahiran generasi mahasiswa yang holistik dan berkemahiran sepanjang hayat.

RUJUKAN

- Aac, U. (2002). Greater expectations: A new vision for learning as a nation goes to college.
- Arnett, J. J. (2016). College students as emerging adults: The developmental implications of the college context. *Emerging Adulthood, 4* (3), 219-222.
- Bowen, H. (2018). *Investment in learning: The individual and social value of American higher education*. Routledge.
- Hidi, S. (2016). Revisiting the role of rewards in motivation and learning: implications of neuroscientific research. *Educational Psychology Review, 28*(1), 61-93.
- Jokisalo, E., & Riu, A. (2009). *Informal learning in the era of Web 2.0". ICT and lifelong learning for a creative and innovative Europe Findings, reflections and proposals from the*

Learnovation project. Retrieved from <http://www.elearningeuropa.info/files/media/media19656.pdf>

- Latchem, C. (2014). Informal learning and non-formal education for development.
- Lave, J., & Wenger, E. (1998). Communities of practice. Retrieved June, 9, 2008.
- Lin, Y., Liu, K., Byon, E., Qian, X., Liu, S., & Huang, S. (2018). A Collaborative Learning Framework for Estimating Many Individualized Regression Models in a Heterogeneous Population. *IEEE Transactions on Reliability*, 67 (1), 328-341
- Lussier, R. N., & Achua, C. F. (2015). *Leadership: Theory, application, & skill development*. Nelson Education.
- Mahajan, R. (2017). Importance of Informal Learning over Formal Learning in 21st Century. *International Journal*, 5 (2), 152-154.
- Savery, J. R. (2015). Overview of problem-based learning: Definitions and distinctions. *Essential readings in problem-based learning: Exploring and extending the legacy of Howard S. Barrows*, 9, 5-15.
- Schunk, D. H. (2012). *Learning theories an educational perspective sixth edition*. Pearson.
- Vygotsky, L. S. (1978). Mind in society: The development of higher mental process.